



**MEMO DALAMAN
UNIT KESIHATAN AWAM,
HOSPITAL UMUM SARAWAK**



Ruj. Kami : HUS/UKA/1037/4/1 (87)

Tarikh : 30 Jun 2015

Kepada
Semua Anggota Kesihatan,

Tuan/Puan,

**ISU-ISU BERBANGKIT MENGENAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI
HOSPITAL UMUM SARAWAK.**

Adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Semua anggota kesihatan Hospital Umum Sarawak dipohon untuk bekerjasama dalam mengenalpasti isu serta cadangan penambahbaikan bagi setiap isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang terdapat di tempat kerja masing-masing sebagaimana yang terkandung didalam **Seksyen 24, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.**

3. Setiap isu dan cadangan penambahbaikan boleh dihantar kepada Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, Hospital Umum Sarawak, Muhammad Amir Bin Asri di emel (**amir.asri@moh.gov.my**) atau faks (**082-241 462**) dengan menggunakan contoh lampiran borang yang dilampirkan.

4. Segala isu yang dimaklumkan akan dibentangkan untuk tindakan penambahbaikan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, Hospital Umum Sarawak yang diadakan sekurang-kurangnya 3 kali setahun. Segala kerjasama daripada pihak tuan/puan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"PENYAYANG, PROFESIONALISME & KERJA BERPASUKAN"

Saya yang menurut perintah,

(DR. MOHD ASRI BIN RIFFIN)

Timbalan Pengerusi,
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan,
Hospital Umum Sarawak.